



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 16 DISEMBER 2020

- 1. LEBIH 13 TAN DAGING KAMBING DIRAMPAS**
 - KOSMO

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KERATAN AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 16 DISEMBER 2020

PERKARA : ADUAN

Kosmo RABU 16 DISEMBER 2020

Lebih 13 tan daging kambing dirampas

Oleh SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI – Tindakan pantas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) yang curiga dengan maklumat yang terdapat pada permit import sebuah kontena membawa kepada rampasan lebih 13 tan daging kambing sejuk beku dari Australia pada Ahad lalu.

Rampasan daging seberat 13,651 kilogram (kg) bernilai RM365,917 itu dibuat selepas Maqis melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kontena di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) pada pukul 5.45 petang.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, pihaknya mendapati maklumat yang dikemukakan adalah tidak tepat dan mengelirukan seperti yang dinyatakan pada syarat-syarat di dalam permit import Maqis.

"Justeru, kita menyita kira-kira 13,651 kilogram (kg) da-

ging kambing sejuk beku dari Australia itu yang dianggarkan bernilai RM365,917 bagi tindakan lanjut.

"Siasatan mendapati daging sejuk beku berkenaan adalah jenis 'boneless mutton leg' seberat 6,020 kg, 'boneless mutton trunk' (5,630 kg) dan 'mutton tripe' (2,001 kg)," katanya kepada pemberita semalam.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Zarina berkata, pihaknya akan sentiasa melakukan pemeriksaan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara di negeri ini bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar, serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan.



SEBAHAGIAN daging kambing sejuk beku dari Australia yang disita Maqis Pulau Pinang di Terminal Kontena Butterworth Utara, Ahad lalu.